

07/02/2002

Memperbetul tanggapan salah terhadap Malaysia

MEDIA di negara Barat, terutama Amerika Syarikat boleh membuat pilihan sama ada mahu terus mengembar-gemburkan laporan negatif mengenai Malaysia atau berusaha membuka lebaran baru bagi membantu mengeratkan hubungan Kuala Lumpur-Washington. Sekiranya media mereka benar-benar faham dan jujur terhadap kepentingan Malaysia dalam hubungan antarabangsa dan perdagangan, mereka boleh membetulkan kesalahan lalu dan menyiarkan laporan yang objektif mengenai negara ini mulai sekarang. Sebaliknya, jika niat mereka mahu melihat terus Malaysia dipertikai dan ditindas, mereka boleh terus memutar-belitkan fakta mengenai negara ini.

Kita agak lega kerana sebilangan pelabur dan pengamal media Amerika dikatakan sudah berubah pandangan terhadap Malaysia. Sebagaimana dijelaskan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mereka kini berpandangan lebih positif terhadap Malaysia setelah mendapat gambaran jelas mengenai salah faham yang mengaitkan Islam dengan keganasan. Sama ada mereka benar-benar ikhlas terhadap Malaysia akan dapat dibuktikan selepas ini. Jika mereka ini masih tidak menunjukkan minat terhadap Malaysia atau media mereka terus memaparkan laporan serong mengenai Malaysia, bermakna mereka masih menyenaraikan negara ini sebagai negara yang perlu dikenakan tekanan. Jika isu negatif mengenai Malaysia diberi tempat seluas-luasnya dalam media mereka sedangkan kebaikan yang dilakukan di negara ini cuba disembunyikan, ia akan memperjelaskan lagi sikap mereka terhadap Malaysia seolah-olah ada hutang yang belum diselesaikan.

Sepatutnya, pelabur dan pengamal media negara itu boleh mendapatkan gambaran jelas mengenai Malaysia daripada pelabur sedia ada di negara ini. Negara itu mempunyai banyak syarikat multinasional dan perbadanan terkemuka yang yakin dengan dasar negara ini. Pelabur Amerika harus bertanya berapa ramaikah diantara mereka yang menghadapi masalah atau ancaman pegganas sewaktu berurusan di negara ini? Tetapi, disebabkan terpengaruh dengan laporan media yang lebih menjurus kepada membuat tuduhan bahawa Malaysia sebagai 'sarang' pegganas Islam, ramai pelabur dan pedagangnya, malah pembuat keputusan di negara itu, meletakkan Malaysia dalam senarai merah pegganas, hinggan dikaitkan dengan Osama bin Laden dan al-Qaeda. Ini adalah tuduhan palsu yang tidak sepatutnya diterima bulat-bulat oleh pentadbiran Washington.

Hakikatnya, pihak berkuasa negara ini sentiasa memberi kerjasama kepada pelabur Amerika daripada menghadapi sebarang kemungkinan diancam mana-mana pihak. Mereka tahu Kerajaan Malaysia begitu komited untuk menghapuskan apa juga bentuk keganasan. Amerika sepatutnya mengikis sebarang prasangka bahawa disebabkan majoriti rakyat negara ini beragama Islam, maka negara ini juga menyokong sebarang tindakan keganasan. Amerika sepatutnya boleh membezakan antara sikap kerajaan dengan kumpulan bukan kerajaan yang sentiasa berusaha mengucar-kacirkan ketenteraman di negara ini. Sekiranya Amerika berusaha menghapuskan pegganas, mereka sepatutnya menyokong tindakan Malaysia untuk menghapuskan pelampau agama. Malangnya, dalam beberapa peristiwa lalu, tindakan Amerika seolah-olah menyokong golongan yang bertentangan dengan kerajaan hanya setelah mereka mendapat laporan salah yang disiarkan media mereka.

(END)